

PENSKORAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
BAHASA MELAYU (1103/1)
DAERAH TANGKAK 2026
1103/1

KRITERIA PENSKORAN

Bahagian A
Karangan Respons Terhadap
[30 markah]

FORMAT PENULISAN KOMEN :

T - menepati tema/tugasan
 I - relevan, huraian, jelas
 B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
 P - menarik dan berkesan

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<u>TEMA/TUGASAN</u> ▪ Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>IDEA</u> ▪ idea relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas ▪ huraian jelas dan matang <u>BAHASA</u> ▪ bahasa gramatis dari segi kata dan ayat ▪ penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ unsur bahasa yang digunakan bervariasi ▪ penggunaan tanda baca betul dan tepat ▪ menggunakan ungkapan yang menarik yang sesuai dan tepat ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu <u>PENGOLAHAN</u> ▪ menarik dan berkesan ▪ laras bahasa sesuai mengikut tugas ▪ wacana lengkap ▪ pemerenggan sesuai Ungkapan menarik :(peribahasa, kata- kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya)

[Lihat sebelah]

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	TEMA/TUGASAN - Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas IDEA - idea relevan dengan tema bahan rangsangan - huraian jelas BAHASA - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan kosa kata luas - unsur bahasa yang digunakan bervariasi - penggunaan tanda baca betul dan tepat - menggunakan ungkapan yang menarik - ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan RumiBaharu PENGOLAHAN - Pengolahan menarik - laras bahasa sesuai mengikut tugas - wacana lengkap - pemerenggan sesuai
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	TEMA/TUGASAN - Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/ tugas IDEA - idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas - huraian masih jelas BAHASA - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan kosa kata masih luas /terhad - unsur bahasa masih bervariasi - penggunaan tanda baca masih betul dan tepat - ejaan masih betul mengikut Sistem Ejaan RumiBaharu tetapi terdapat kesalahan bahasa yang ketara PENGOLAHAN masih menarik - laras bahasa masih sesuai mengikut tugas - wacana masih lengkap - pemerenggan masih sesuai

[Lihat sebelah]



PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Pencapaian Minimum	10 -14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>TEMA/ TUGASAN</u> ▪ kurang menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>IDEA</u> ▪ idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan ▪ huraian kurang jelas <u>BAHASA</u> ▪ bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat ▪ kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara ▪ penggunaan kosa kata terhad ▪ unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi ▪ ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara <u>PENGOLAHAN</u> ▪ kurang menarik ▪ laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas ▪ wacana kurang lengkap ▪ pemerenggan kurang sesuai
Tidak Mencapai Tahap Pencapaian Minimum [TPM]	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	▪ calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. ▪ idea tidak menepati tema bahan rangsangan/tugas ▪ banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat

KRITERIA PENSKORAN

Bahagian B Karangan Respons Terbuka [70 markah]

FORMAT PENULISAN KOMEN :

T – menjawab tugas
I – relevan, huraian jelas
B – gramatis, kosa kata luas dan tepat
P – menarik dan berkesan

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<u>TEMA/TUGASAN</u> - Karangan menjawab tugas <u>IDEA</u> - idea relevan mengikut tugas - huraian jelas dan matang - contoh yang sesuai <u>BAHASA</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu - Penggunaan unsur bahasa bervariasi - Penggunaan tanda baca betul dan tepat - Gaya bahasa amat menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <u>PENGOLAHAN</u> sangat menarik dan berkesan - pemerenggan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan laras bahasa sesuai mengikut tugas Ungkapan menarik :(peribahasa, kata- kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya)

[Lihat sebelah]



PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KEPUJIAN	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<u>TUGASAN</u> ▪ Karangan menjawab tugas <u>IDEA</u> ▪ idea relevan mengikut tugas ▪ huraian jelas ▪ contoh yang sesuai <u>BAHASA</u> ▪ Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu ▪ Penggunaan tanda baca betul dan tepat ▪ Penggunaan unsur bahasa bervariasi ▪ Gaya bahasa menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <u>PENGOLAHAN</u> ▪ menarik dan berkesan ▪ pemerenggan sesuai ▪ wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan ▪ laras bahasa sesuai mengikut tugas

BAIK	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<u>TUGASAN</u> ▪ Karangan masih menjawab tugas <u>IDEA</u> ▪ idea masih relevan mengikut tugas ▪ huraian masih jelas ▪ contoh masih sesuai <u>BAHASA</u> ▪ Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai ▪ Penggunaan kosa umum ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu ▪ Penggunaan tanda baca masih betul ▪ Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi ▪ Gaya bahasa menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <u>PENGOLAHAN</u> ▪ masih menarik ▪ pemerenggan masih sesuai ▪ wacana masih lengkap ▪ laras bahasa sesuai mengikut tugas
--------------------	--	--

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
MEMUASKAN	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<u>TUGASAN</u> - Karangan masih/ kurang menjawab tugas <u>IDEA</u> - idea masih relevan - huraian kurang jelas - contoh kurang sesuai <u>BAHASA</u> - Ayat kurang gramatis - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad - Penggunaan kosa kata umum dan terhad - ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan minimum - Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi - Gaya bahasa kurang menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <u>PENGOLAHAN</u> kurang menarik - pemerenggan kurang sesuai - wacana masih/ kurang lengkap - laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas
PENGUASAAN MINIMUM	21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	<u>TUGASAN</u> - Karangan kurang menjawab tugas <u>IDEA</u> - idea masih relevan mengikut tugas/ bercampur aduk - huraian tidak jelas/tidak berkembang - contoh tidak sesuai <u>BAHASA</u> - Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami - Penggunaan kata kurang tepat - Penggunaan kosa kata umum dan terhad - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi - Gaya bahasa lemah dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah <u>PENGOLAHAN</u> tidak menarik - pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang - wacana tidak lengkap



PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	▪ keseluruhan karangan sukar/tidak difahami ▪ idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas /tidak berkembang serta contoh tidak sesuai ▪ keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. ▪ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ▪ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik ▪ Pengolahan tidak menarik ▪ Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang ▪ Wacana tidak lengkap

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan pada peringkat dan kriteria yang ditetapkan.

2. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi/fakta

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

○ // = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

Bahagian A
[30 markah]
[Masa dicadangkan : 30 minit]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan kerjaya.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **pemilihan kerjaya** dalam kalangan generasi muda.*

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



SKEMA JAWAPAN**BAHAGIAN A :**

Kehendak Soalan: *Pendapat tentang faktor-faktor pemilihan kerjaya.*

1. Murid perlu menghuraikan faktor-faktor pemilihan kerjaya dalam kalangan generasi muda.
2. Murid perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, atau idea sampingan atau sebagai contoh.
3. Sekiranya murid menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan kepentingan sungai - **Tanda Seperti Biasa**
4. Sekiranya murid tidak menyentuh semua bahan - **Maksimum Kepujian**
5. Jika murid menulis lebih daripada 210 patah perkataan atau hingga ayat terakhir – **Maksimum Kepujian**
6. Jika murid menulis kurang daripada 140 patah perkataan – **Maksimum Memuaskan**

CADANGAN ISI (2 isi dihuraikan)

- Latar belakang akademik
- Gaji yang lumayan.



Bahagian B

[70 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1. Keghairahan anak muda terhadap muzik moden telah menenggelamkan populariti muzik tradisional Malaysia seperti Ghazal, Dondang Sayang, Yayue dan Kirtana. Situasi ini berlaku kerana semua jenis muzik yang ada di dunia pada hari ini mudah dinikmati seiring dengan perkembangan teknologi. Namun begitu, populariti muzik tradisional masih dapat dipertahankan sekiranya aktiviti kokurikulum di sekolah dirancang dengan telitinya.

Sumber : *Internet*

Huraikan usaha yang terdapat dalam petikan di atas berserta usaha-usaha lain untuk mempopularkan muzik tersebut.

Skema Jawapan**Fokus Soalan :** Usaha-usaha mempopularkan muzik tradisional.

1. Murid menghuraikan usaha dalam stimulus dan menambah usaha-usaha lain - **Layak Cemerlang.**
2. Sekiranya murid tidak menyentuh usaha dalam stimulus dan menambah usaha-usaha lain – **Maksimum Kepujian**
3. Sekiranya murid menghuraikan satu usaha sahaja - **Maksimum Baik.**
4. Sekiranya murid menghuraikan selain daripada usaha mempopularkan muzik tradisional - **Maksimum Penguasaan Minimum.**

Cadangan isi (3 isi memadai)

- Aktiviti kokurikulum di sekolah dirancang dengan telitinya (**DALAM PETIKAN**)
- Galakan daripada ibu bapa
- Kerajaan menganjurkan festival muzik tradisional
- Kempen melalui media massa
- Pertandingan muzik tradisional
- Sokongan daripada kerajaan/NGO (bantuan kewangan kepada penggiat muzik tradisional)



2. Warganegara yang baik merupakan aset penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Oleh itu, warganegara Malaysia yang baik sepatutnya mematuhi undang-undang negara kerana ingin menjamin keamanan dan kestabilan negara. Selain itu, mereka mempunyai semangat patriotik yang tinggi di samping menghormati kepelbagaian budaya setiap kaum.

Sumber: *Internet*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan ciri-ciri tersebut.

Skema Jawapan

Fokus Soalan : Ciri-ciri warganegara Malaysia yang baik.

1. Murid menghuraikan ciri-ciri warganegara Malaysia yang baik yang terdapat dalam stimulasi sebagai isi. - **Layak Cemerlang.**
2. Sekiranya murid hanya menghuraikan satu ciri yang terdapat dalam stimulus dan menambah ciri-ciri lain - **Maksimum Kepujian.**
3. Sekiranya murid menghuraikan ciri lain tanpa menyentuh ciri yang terdapat dalam stimulus - **Maksimum Baik.**
4. Jika murid menulis selain ciri-ciri - **Maksimum Penguasaan Minimum.**

Cadangan isi (DALAM STIMULUS)

- Mematuhi undang-undang negara
- Mempunyai semangat patriotik yang tinggi
- Menghormati kepelbagaian kaum dan budaya masyarakat majmuk

3. Umum mengetahui bahawa Malaysia mengamalkan hubungan diplomatik dengan negara sekitarnya seperti Indonesia, Singapura dan Thailand. Jalinan hubungan baik ini akan membantu meningkatkan pelaburan asing dan menjamin keamanan serantau melalui kerjasama antarabangsa. Di samping itu, hubungan baik ini berupaya memperkukuh imej Malaysia di peringkat dunia.

Sumber : *Internet*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan hubungan diplomatik tersebut.

Skema Jawapan

Fokus Soalan : Kepentingan-kepentingan hubungan diplomatik antara negara sekitar.

1. Murid menghuraikan kepentingan-kepentingan hubungan diplomatik yang terdapat dalam stimulasi sebagai isi. - **Layak Cemerlang.**
2. Sekiranya murid hanya menghuraikan satu kepentingan yang terdapat dalam stimulus dan menambah kepentingan-kepentingan lain - **Maksimum Kepujian.**
3. Sekiranya murid menghuraikan kepentingan lain tanpa menyentuh kepentingan yang terdapat dalam stimulus - **Maksimum Baik.**
4. Jika murid menulis selain kepentingan-kepentingan - **Maksimum Penguasaan Minimum.**

Cadangan isi (DALAM STIMULUS)

- Meningkatkan pelaburan asing
- Menjamin keamanan serantau melalui kerjasama antarabangsa
- Memperkukuh imej Malaysia di peringkat dunia

4. Pakaian tradisional seperti Kebaya, Ceongsam dan Sari melambangkan warisan budaya busana sesuatu bangsa. Setiap pakaian tradisional sangat istimewa kerana memiliki ciri-ciri reka bentuk yang tersendiri. Namun begitu, peredaran zaman yang semakin pantas menyebabkan pakaian tradisional kian dilupakan ekoran lambakan fesyen barat dan hanya digayakan pada majlis-majlis tertentu.

Sumber : *Internet*

Huraikan usaha-usaha bagi mempopularkan warisan budaya tersebut.

Skema Jawapan

Fokus Soalan : Usaha-usaha bagi mempopularkan pakaian tradisional.

1. Murid menghuraikan usaha-usaha bagi mempopularkan pakaian tradisional - **Layak Cemerlang.**
2. Sekiranya murid menghuraikan satu usaha sahaja - **Maksimum Kepujian.**
3. Sekiranya murid menghuraikan selain daripada usaha bagi mempopularkan pakaian tradisional - **Maksimum Penguasaan Minimum.**

Cadangan isi (3 isi memadai)

- Kerajaan menganjurkan Kempen Pakaian Tradisional Malaysia
- Ibu bapa mendidik anak-anak tentang pakaian tradisional
- Sekolah menganjurkan pertandingan pakaian tradisional
- Media massa mempromosikan pakaian tradisional melalui pelbagai platform
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia mempamerkan set lengkap busana tradisional pelbagai etnik di Malaysia.

**PERATURAN PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
TINGKATAN 5 (2026)**

(DAERAH TANGKAK)

**Bahasa Melayu
Kertas 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 Markah]

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3: 10 markah

Soalan 4: 5 markah

Soalan 5: 6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata majmuk yang disenaraikan dengan betul.
2. Jika calon menyenaraikan lebih daripada 4 kata majmuk, semak setakat 4 kata majmuk yang pertama sahaja.
3. Berikan 1 markah bagi setiap ayat daripada kata majmuk yang betul.
4. Jika calon membina lebih daripada 4 ayat, semak setakat 4 ayat yang pertama sahaja.
5. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
6. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
8. Ayat tidak jelas maksudnya, berikan 0 markah bagi setiap ayat.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$.

SOALAN 1 : MORFOLOGI

- (i) tubuh badan – seluruh jasad manusia atau binatang (terdiri daripada kepala, badan dan anggota-anggota lain)
- (ii) olahraga – latihan atau sukan yang memerlukan kekuatan fizikal, ketangkasan atau stamina
- (iii) lumba basikal – sejenis sukan atau aktiviti perlumbaan kenderaan beroda dua
- (iv) tanggungjawab – kewajiban yang dipikul oleh seseorang
– sesuatu (seperti kerja, tugas) yang mesti dilakukan.
- (v) bekerjasama – kerja yang dibuat bersama-sama dan dengan tolong-menolong

Senarai kata majmuk: 4 markah

Ayat : 4 markah

[Maksimum : 8 markah]



SOALAN 2 - SINTAKSIS

Menukarkan ayat bersusunan songsang kepada ayat bersusunan biasa.

- (i) Permainan Roblox dilancarkan buat pertama kalinya pada tahun 2006.
- (ii) Roblox merupakan platform permainan yang kreatif kerana avatar permainannya yang comel dan berwarna-warni.
- (iii) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengambil langkah proaktif dengan meneliti mekanisme kawal selia baharu bagi memastikan permainan dalam talian lebih selamat.
- (iv) MCMC kini sedang menilai keperluan melesenkan sekurang-kurangnya 10 jenis permainan dalam talian.
- (v) Permainan dalam talian juga mempunyai kebaikan kepada kanak-kanak dan remaja.
- (vi) Ibu bapa dan masyarakat perlu memastikan aktiviti ini dipantau dengan bijak.

[Maksimum : 6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Bahan 1

	Salah	Betul	JSI
1	memperkasa	memperkasakan	Imbuhan
2	ideologi	identiti	Istilah
3	emej	imej	Ejaan
4	komersil	komersial	Ejaan
5	sangat paling	sangat/ paling	Kata Penguat
6	tetapi	bahkan/ malah	Kata Hubung

[5 markah]

Bahan 2

	Salah	Betul	JSI
1	sertai	menyertai	Imbuhan
2	memulai	memulakan	Imbuhan
3	Warga negara	Warganegara	Ejaan
4	berharga	bernilai	Istilah
5	serta	dan	Kata Hubung
6	pihak penganjur hubungi	dihubungi oleh pihak penganjur	Kata Pasif Diri

[5 markah]

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Perhatian bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis.	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Ada sebuah perigi yang terletak di Batu Pahat, orang Siam yang membuat perigi tersebut. Rombongan Siam tersebut diikuti oleh Bendahara Paduka Raja sehingga ke Singapura. Bendahara pun kembali ke Melaka dan menghadap Sultan Muzaffar Syah. Segala hal tersebut dipersembahkan oleh bendahara Ke Bawah Duli Sultan. Baginda sangat suka; lalu baginda pun menganugerahkan persalinan yang mulia-mulia kepada Bendahara Paduka Raja dan juga kepada semua hulubalang yang pergi bersama-sama juga dianugerahkan persalinan berdasarkan pangkat mereka masing-masing.

[5 markah]

SOALAN 5: PERIBAHASA

Senarai peribahasa dan beri maksud peribahasa.

i Kecil-kecil cili padi

Seseorang yang kelihatan kecil dari segi saiz atau usia, tetapi mempunyai sifat, keberanian, atau kemampuan yang hebat.

ii Sambil menyelam minum air

Melakukan dua atau lebih pekerjaan dalam satu masa yang sama.

iii Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul

Hanya orang yang mengalami tahu kesusahan sebenar.

iv Patah sayap bertongkat paruh

Terus berusaha dengan tiada putus harap

**Senarai peribahasa: 3 markah
Maksud : 3 markah**

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 Markah]

Perhatian bagi soalan 6 [Petikan Umum] dan soalan 7 [Petikan Sastera]

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**

Panduan Penskoran Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
-Jawapan tepat tetapi ayat tidak gramatis -Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	1
-Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
-Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis -Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
-isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat masih gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

SOALAN 6: PETIKAN UMUM

i.	Maksud	markah
-	Semakin / paling / tambah / bermutu	2
-	Semakin / paling / tambah berkualiti	1
-	Lebih berkualiti	1

[Maksimum : 2 markah]

ii. Kelebihan-kelebihan

Bahan 1

P1 lebih mudah disediakan

P2 harganya yang kompetitif

Bahan 2

P3 dapat disimpan dalam tempoh yang lama 1

P4 mengekalkan kandungan vitamin dan mineral hampir sama dengan makanan segar 1

P5 mampu mengekalkan khasiat makanan 1

P6 makanan ini tiada bahan pengawet tambahan yang berbahaya 1

Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi)

iii. Langkah-langkah

P1 memberikan bantuan modal / subsidi / insentif 1

P2 menyediakan kursus / latihan / bengkel 1

P3 menyediakan tapak / tempat strategik 1

P4 memberikan nasihat / galakan 1

P5 mengadakan kempen / pendedahan 1

Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi)

iv. Cadangan-cadangan

P1 mengikuti kursus / bengkel / seminar 1

P2 promosi / dalam talian 1

P3 pembungkusan yang menarik 1

P4 meningkatkan kualiti produk 1

P5 lokasi perniagaan yang sesuai/ strategik 1

P6 mempelbagaikan kaedah jualan 1

Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi)

(Cadangan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

- i. **Kesan-kesan negatif** **markah**
- P1 kita perlahan-lahan kehilangan identiti 1
- P2 Perpaduan juga sukar dibentuk 1
- [Maksimum : 2 markah]**
- ii. **Kepentingan-kepentingan**
- Bahan 1**
- P1 Ia adalah cermin budi dan jiwa bangsa 1
- P2 menyimpan nilai kesopanan, kebijaksanaan, dan sejarah nenek moyang kita 1
- P3 Bahasa menunjukkan bangsa 1
- Bahan 2**
- P4 Bahasa ialah maruah bangsa 1
- P5 Bahasa melayu bahasa ilmu 1
- Bahan 3**
- P6 Bahasa kebangsaan menyatukan rakyat 1
- Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**
- [Maksimum : 4 markah]**
- [Isi cukup : 3 isi]**
- iii. **Cabaran-cabaran**
- P1 masyarakat kurang kesedaran kepentingan bahasa melayu / ketinggalan zaman 1
- P2 penggunaan bahasa rojak/ bahasa slanga 1
- P3 saingan daripada bahasa Inggeris 1
- P4 penggunaan bahasa ibunda 1
- P5 pengaruh bahasa dalam media 1
- [Maksimum : 3 markah]**
- [Isi cukup : 2 isi]**
- iv. **Tindakan-tindakan**
- P1 memberikan nasihat / teguran 1
- P2 meminta bantuan kaunselor untuk menasihati 1
- P3 mengajaknya menyertai kempen berkaitan bahasa kebangsaan 1
- P4 memberitahu ibu bapa untuk menasihatnya 1
- P5 mengajaknya bertutur dalam bahasa yang betul 1
- P6 menunjukkan contoh/ teladan 1
- [Maksimum : 4 markah]**
- [Isi cukup : 3 isi]**

(Cadangan lain boleh diterima sekiranya sesuai)



SOALAN 8 : NOVEL

Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi), relevan dengan tugas, ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi), relevan dengan tugas, ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi), ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi), ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi), ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi), ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

(i) Berdasarkan petikan, mengapakah kampung itu tidak dikatakan terlalu mundur?

P1 - Lampu kuning juga dipasang berselang tiga tiang elektrik.

P2 - Jalannya sudah berturap malah rasanya jauh lebih baik daripada sesetengah tempat.

P3 - Lengkap dengan sekolah, balai raya dan klinik desa.

P4 - Ada pula sebuah bangunan yang dijadikan pusat komoditi pertanian.

P5 - Di hadapan kampung ini ada papan tanda besar menunjukkan arah ke bangunan-bangunan ini.

[maksimum 4 markah]

Panduan umum pemarkahan soalan 8 (ii)

- Jawapan berdasarkan dua buah novel
- Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- Beri 1 markah bagi **peristiwa/huraian/contoh yang lengkap/ jelas**.
- Beri 1 markah bagi setiap **sebab menarik perhatian pembaca** yang betul.
- Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa/huraian/contoh dan teladan yang betul).
- Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara keseluruhan. Baik - 2 markah
Lemah - 1 markah
- Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- Calon tidak menjawab 0 markah.

(ii) Peristiwa yang menarik perhatian pembaca

NOVEL DI SEBALIK DINARA KARYA DAYANG NOOR TINGKATAN EMPAT

PERISTIWA	ALASAN
Peristiwa Azraai memasang pengimbas retina pada pintu apartment rumah Farisha kerana bimbang akan keselamatan adiknya disebabkan terdapat kes pembunuhan yang tidak jauh daripada apartment Farisha.	Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana hubungan seorang abang yang sangat prihatin dan mengambil berat akan keselamatan adiknya walaupun bukan daripada darah daging sendiri.
Peristiwa Aqram mencuri cawan yang digunakan oleh Farisha ketika di dalam kapal terbang untuk menguji sampel air liur Farisha untuk memastikan bahawa Farisha ialah orang yang dicari.	Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana kecanggihan teknologi sains yang mampu mengesan DNA manusia daripada air liur sahaja.
Peristiwa Farisha berjaya melepasi sistem keselamatan Bank Sapurba yang menyebabkan Farisha ditawarkan projek mini di Soft Lab.	Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana kebijaksanaan seorang wanita yang mampu menggodam sebuah syarikat dengan pengetahuan pengkomputerannya.
Peristiwa Azraai memberitahu adiknya iaitu Farisha bahawa Farisha merupakan anak angkat dan bukanlah adik kandungnya yang telah dijaga dari umur dua tahun	Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana keberanian seorang abang yang memberitahu peristiwa sebenar kepada adik angkatnya walaupun tahu akan menyebabkan adiknya berasa sedih disebabkan berita tersebut.

NOVEL SILIR DAKSINA KARYA NIZAR PARMAN TINGKATAN LIMA

PERISTIWA	ALASAN
Peristiwa Haiqal pergi ke kampung arwah ayahnya iaitu Abdullah Kayyan di Batu Pahat walaupun ditentang hebat oleh uminya demi mencungkil kisah sebenar arwah ayahnya.	Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana seorang anak muda sanggup pulang mencari jejak ayahnya walaupun tidak pernah bersua muka.
Peristiwa Abdullah Kayyan mengajar Ai Ling seorang gadis berbangsa Cina mendeklamasikan sajak sehingga berjaya menjadi juara pertandingan tersebut.	Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana seorang gadis berbangsa Cina mampu menjadi juara dalam pertandingan yang bukan dari budaya kaum mereka sendiri.
Peristiwa Haiqal mempelajari tarian zapin daripada Pak Cik Bakar dan Lazim kerana dia tidak pandai menari tarian Zapin dan ingin menghidupkan kembali Kumpulan Zapin D'Purnama.	Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana kegigihan seorang anak muda untuk mempelajari tarian zapin yang merupakan budaya bangsa dan meneruskan kembali perjuangan arwah ayahnya.

Peristiwa keluarga Haiqal yang datang ke Kampung Seri Purnama untuk menyaksikan Haiqal membuat persembahan tarian Zapin di Balai Seri Purnama walaupun pada awalnya, Umi melarang Haiqal untuk pulang ke Batu Pahat bagi mencari jejak ayahnya.

Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya dan menyokong minat anaknya walaupun pada awalnya tidak memberikan keizinan terhadap anak.



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]
Perhatian bagi Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada :

- (a) **Isi** – 20 markah
- (b) **Bahasa** – 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana
- peribahasa

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8-9 markah	• Kesyinambungan ayat sangat baik • Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat

		• Pengolahan sangat menarik dan berkesan
Baik	5-7 markah	• Kesenambungan ayat baik • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat • Pengolahan masih menarik dan berkesan
Sederhana	3-4 markah	• Kesenambungan kurang baik • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata kurang luas dan tepat • Pengolahan kurang
Lemah	1-2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk point/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

Tema : Kesihatan / Penyakit Berjangkit**F1 : Kesan-kesan penyakit berjangkit****F2 : Usaha-usaha / Cara-cara / Langkah-langkah mencegah penyakit berjangkit****F3 : Punca-punca merebaknya penyakit berjangkit**

Pendahuluan		MARKAH
1	Rumusan membincangkan kesan-kesan penyakit berjangkit dan usaha-usaha / cara-cara / langkah-langkah mencegah penyakit berjangkit serta punca-punca merebaknya penyakit berjangkit.	2
2	Rumusan membincangkan usaha-usaha / cara-cara / langkah-langkah mencegah penyakit berjangkit dan punca-punca merebaknya penyakit berjangkit.	1
3	Rumusan membincangkan kesan-kesan penyakit berjangkit dan usaha-usaha / cara-cara / langkah-langkah mencegah penyakit berjangkit.	1
4	Rumusan membincangkan kesan-kesan penyakit berjangkit dan punca-punca merebaknya penyakit berjangkit.	1
Fokus 1 : Bahan 1 (Petikan) - Kesan-kesan penyakit berjangkit.		
A1	menjejaskan aktiviti kehidupan harian masyarakat.	2
A2	menjejaskan produktiviti dan kestabilan ekonomi individu.	2
Fokus 2 : Bahan 1 (Petikan) - Usaha-usaha / Cara-cara / Langkah-langkah mencegah penyakit berjangkit		
B1	Amalan kebersihan diri merupakan langkah asas dalam mencegah jangkitan	2
B2	pengambilan vaksin memainkan peranan penting dalam menguatkan sistem imun	2
B3	amalan gaya hidup yang sihat dan selamat	2
Fokus 2 : Bahan 2 (Dialog) - Usaha-usaha / Cara-cara / Langkah-langkah mencegah penyakit berjangkit		
C1	Kita sewajarnya memberikan perhatian dan kasih sayang kepada ahli keluarga dengan memantau kesihatan mereka	2
C2	ibu bapa juga perlu mendidik anak-anak tentang penjagaan kebersihan diri	2
Fokus 3 : Bahan 3 (Ilustrasi grafik) - Punca-punca merebaknya penyakit berjangkit		
D1	Pengambilan makanan dan minuman yang tercemar	2
D2	Berkongsi barangan peribadi dengan individu yang dijangkiti penyakit	2
Fokus 1 : Bahan 3 (Ilustrasi grafik) - Kesan-kesan penyakit berjangkit.		
E1	Menjejaskan Kesihatan Masyarakat	2
E2	Memberi Impak kepada Pertumbuhan Ekonomi	2
KESIMPULAN		



1	Kesimpulannya, penyakit berjangkit perlu diatasi/dicegah dengan serius agar masyarakat kekal sihat.	2
2	Kesimpulannya, penyakit berjangkit perlu diatasi/dicegah dengan serius.	1
3	Kesimpulannya, semua pihak perlu mengatasi/mencegah masalah penyakit berjangkit dengan serius agar masyarakat kekal sihat.	0